



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan)1950

DR.05/1984

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1984 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Subseksyen (1) seksyen 40 Akta Telekomunikasi 1950, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan baru (c) yang berikut : Pindaan seksyen 40. Akta 20.
 "(c) prescribing the fees, rent or royalty payable on the grant of any licence;"
3. Seksyen 42 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong subseksyen (2). Pindaan seksyen 42.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Telekomunikasi 1950.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 40 untuk memberi kuasa kepada Menteri menetapkan, sebagai tambahan kepada fee yang telah ditetapkan, sewa atau royalti yang kena dibayar oleh pemegang lesen di atas pemberian mana-mana lesen.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 42 untuk mengelak apa-apa ambiguiti yang mungkin timbul dari terus adanya subseksyen (2) memandangkan pindaan-pindaan yang dibuat kepada seksyen 40 di atas.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1100.]